



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 47
No. 2

16hb Januari 2003

*TAMBAHAN No. 2
PERUNDANGAN*

M. P.U. 2.

ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARAK (NEGERI MELAKA) 1991

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 30

FATWA yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Mufti bagi Negeri Melaka menurut subseksyen 30(1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 [*Enakmen No. 5 tahun 1991*] bagi pihak dan atas nama Jawatankuasa Syariah selepas dipertimbangkan dan diluluskan dengan sebulat suara oleh Jawatankuasa Syariah menurut subseksyen 33(6) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak (Negeri Melaka) 1991 dan disiarkan menurut subseksyen 30(1) Enakmen itu.

JADUAL

1. Ajaran dan amalan Ilmu Hakikat Hassan b. Jonit didapati menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, umat Islam dilarang mengamalkan ajaran itu.
2. Orang Islam yang telah mengambil ijazah dan mengamalkan Ajaran Ilmu Hakikat Hassan b. Jonit di mana-mana jua berada hendaklah segera bertaubat serta memohon keampunan kepada ALLAH *Subhanahu Wata'ala*.
3. Antara ciri-ciri ajaran itu –
 - (a) mendakwa –
 - (i) bertemu Allah;
 - (ii) bertemu Nabi Muhammad dan pertemuan itu menghasilkan hadis Qudsi;
 - (iii) boleh mentafsir mimpi;
 - (iv) orang yang berdahi hitam tanda bela jin;
 - (v) nampak imam seperti khinzir jika *solat* buka mata;
 - (b) menolak adanya hari kiamat;
 - (c) beliau ialah wakil guru seluruh dunia yang telah diijazahkan oleh *Rasulullah S.A.W.* dan datang dari *Luh Mahfuz* yang dilantik ke bumi iaitu *Baladil Amin*;
 - (d) menyalah tafsir Al-Quran;
 - (e) mandi wajib hanya dengan mencelup jari;
 - (f) melarang berdoa untuk orang lain;
 - (g) mencabar Pihak Berkuasa Agama;

(h) mengarang buku yang mengandung 19 bab seperti yang berikut:

- (i) Bab Hakikat
- (ii) Bab *Fatehah*
- (iii) Bab *Alhamdu*
- (iv) Bab *Bismillah*
- (v) Bab Al-Quran dan Kitab
- (vi) Bab *Takbiratul Ebrahim*
- (vii) Bab Sembahyang
- (viii) Bab Kaum Ibu
- (ix) Bab Roh/Nyawa
- (x) Bab *Ma'ni*
- (xi) Bab Nabi 1
- (xii) Bab Nabi 2
- (xiii) Bab *Tauhiduz Zat 1*
- (xiv) Bab *Tauhiduz Zat 2*
- (xv) Bab Guru
- (xvi) Bab Sifat
- (xvii) Bab *Ma'rifat*
- (xviii) Bab Hati
- (xix) Mukadimah Bagi Orang Baru

4. Orang-orang Islam dilarang menjual, mengedar, membeli, memiliki atau memberi ceramah tentang isi kandungan buku yang dinyatakan dalam perenggan 3(h).

Bertarikh 31 Disember 2002

Dated 31 December 2002

[PMM/0020 Jld. 5(01); PUN(M)223/6 Klt. 10]

DATUK HJ. RASHID REDZA BIN HJ. MD. SALEH

Mufti,

Negeri Melaka